

Pelbagai program meriahkan C-Fest mulai hari ini

SEREMBAN 12 Nov. - Kemeriahan Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-12 dirancarkan lagi menerusi penganjuran Pesta Konvokesyen (C-Fest) bertempat di kampus universiti itu di Nilai bermula esok hingga Ahad ini.

Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumninya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, pesta yang sudah menjadi program tahunan itu kini dinantikan bukan sahaja oleh warga USIM, malah penduduk sekitar termasuk orang ramai dari Lembah Klang.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada pihak *Utusan Malaysia* yang sudah masuk tahun keempat membantu dan bekerjasama dengan pihak USIM bagi

memeriahkan C-Fest sepanjang berlangsungnya majlis konvokesyen.

"Tidak dinafikan, melalui kerjasama ini jumlah pengunjung ke pesta tersebut semakin meningkat setiap tahun di mana tahun lalu hampir 25,000 pengunjung yang berkunjung ke USIM," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, menerusi pelbagai aktiviti serta pengisian menarik sepanjang empat hari penganjuran C-Fest, pihaknya optimis sekurang-kurangnya dapat menarik 40,000 pengunjung tahun ini.

"Untuk tahun ini, kita telah memberi peluang kepada 409 penuntut Fakulti Ekonomi dan Muamalat untuk mengendalikan hampir 60 gerai jualan pada pesta konvokesyen itu.

"Inisiatif ini bertujuan untuk

membuka peluang kepada siswa dan siswi berkenaan menimba pengalaman sekali gus menjadi sebahagian daripada latihan keusahawanan mereka," ujarnya.

Tambahnya, selain gerai jualan, C-Fest turut menawarkan pelbagai aktiviti meliputi aspek akademik, rekreasi, hiburan dan juga pertandingan.

"C-Fest kali ini diadakan khas untuk pelbagai lapisan masyarakat dari kanak-kanak hingga golongan dewasa.

"Antara aktiviti menarik termasuk pelbagai pertandingan, permainan kanak-kanak, pameran motosikal, forum, Xplorace, paintball, mini studio, karikatur, bengkel kewartawanan, jualan runtuh produk Utusan dan Konsert Senandung Gaza," katanya.